

SOALAN NO. : 256

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo ham [Beruas] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kenapa keadaan banjir di kawasan persekitaran Sg. Samagaggah, Kerian, Perak termasuk Kg. Parit Simpang 5 dan Estet Tali Ayer kepunyaan Sime Darby Bhd menjadi lebih teruk sungguhpun kerja-kerja mengatasi banjir yang menelan belanja ratusan juta ringgit sedang dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir yang berlaku pada kali ini bukanlah berpunca daripada limpahan sungai. Walaupun Daerah Kerian menerima kadar alir yang besar akibat taburan hujan yang tinggi semasa Monsun Peralihan (Oktober – November 2014) dari kawasan tadahan di hulu, namun aliran tersebut dapat dikawal melalui ban tebatan banjir yang sedang dilaksanakan. Air sungai tidak melimpah ke kawasan tebing dan ban telah berfungsi dengan baik serta dapat menakung kadar alir seperti tahap perlindungan yang direka bentuk.

Kedudukan Pulau Gajah Menyusu yang terletak di antara Sg Kerian dan Sg Samagagah menyebabkan pulau yang terbentuk dari pemisahan dua sungai ini berisiko ditenggelami air kerana kawasan ini sememangnya merupakan satu kawasan dataran banjir sejak dahulu dan dikekalkan. Akibat pengembangan aktiviti pertanian, maka pulau ini juga telah dijadikan kawasan pertanian di mana terdapat sebuah estet milik Sime Darby dan juga ladang-ladang milik persendirian.

Di bawah pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kerian, pulau ini tidak dibina sebarang perlindungan memandangkan fokus utama pembinaan ban adalah melindungi kawasan penempatan dan juga infrastruktur awam dengan mengambil kira peruntukan yang disediakan.

Kesimpulannya, projek RTB Kerian yang sedang giat dilaksanakan sekarang ini tidak mengalami kegagalan.

Sekian terima kasih.